PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorskan atau selainnya dinyatakan di sini kemudiannya bahawa jika Orang Yang Dilindungi yang dinyatakan di dalam Sijil tersebut mengalami kecederaan disebabkan oleh kemalangan di mana kecederaan sedemikian semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain mengakibatkan keadaan Orang Yang Dilindungi seperti ditafsirkan seterusnya semasa Tempoh Perlindungan Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil atau dalam mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Orang Yang Dilindungi telah membuat dan Pengendali Takaful telah menerima caruman yang dikehendaki bagi Jadual Sijil, Pengendali Takaful akan memberi pampasan kepada Orang Yang Dilindungi, atau jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, hibah bagi penerima-penerima manfaat mengikut jumlah amaun yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil dan/atau wasi kepada penerima-penerima manfaat yang akan membahagikan manfaat takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil mengikut undang-undang Syariah Faraid (bagi beragama Islam) dan Akta Pembahagian – Pindaan 1997 (bagi bukan beragama Islam).

DENGAN SYARAT SENTIASA pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan semua terma, endorsmen, klausa atau warranti yang membentuk sebahagian daripada Jadual Sijil setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Dilindungi hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti terhadap Pengendali Takaful untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

Sekiranya Dana Takaful Am (DTA) mempunyai baki yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat Takaful Anda dalam Tempoh Takaful, Kami akan menampung baki dalam DTA di bawah prinsip Qard dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan kecuaiannya Kami. Jika kekurangan itu adalah disebabkan oleh kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pindahan secara langsung untuk menampung kekurangan tersebut. Anda selanjutnya bersetuju bahawa lebih masa depan Anda yang diperolehi daripada DTA dalam Tempoh Takaful Anda boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam DTA (jika ada) kepada Kami.

KONSEP SHARIAH

Takaful: Suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para Orang Yang Dilindungi takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada Orang Yang Dilindungi takaful atau waris-waris mereka apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.

Wakalah: Kontrak perwakilan di mana Orang Yang Dilindungi melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.

Tabarru': Ia adalah caruman daripada Orang Yang Dilindungi kepada Dana Takaful Am (DTA) di mana Orang Yang Dilindungi bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.

Hibah: Adalah hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga boleh diguna pakai dalam transaksi lain seperti perkongsian lebihan, di mana manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berasaskan Hibah Bersyarat.

Ju'alah: Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Takaful Am (DTA) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Dana Takaful Am (DTA) pada akhir setiap tahun kewangan.

Qard: Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Dana Takaful Am (DTA).

DEFINISI

1) "Orang Yang Dilindungi" bermakna setiap Orang yang dinyatakan sebagai orang yang dilindungi di dalam Jadual Sijil.

- 2) **“Pasangan”** bermakna suami/isteri Pemegang Sijil yang dinamakan sebagai Orang Yang Dilindungi di dalam Jadual Sijil yang sah di sisi undang-undang melainkan berpisah dengan Pemegang Sijil secara sah dan mestilah yang berumur di antara lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun (termasuk), dengan pembaharuan sehingga enam puluh lima (65) tahun.
- 3) **“Anak atau Anak-anak”** bermakna anak-anak Pemegang Sijil yang masih belum berkahwin yang dinamakan sebagai Orang Yang Dilindungi di dalam Jadual Sijil dan tidak terhad bilangannya, yang berumur dari enam (6) bulan tetapi tidak melebihi dua puluh tiga (23) tahun dan masih di bawah tanggungan Pemegang Sijil.
Perkataan **“Anak atau Anak-anak”** bermakna Pemegang Sijil mengakui anak sendiri, anak tiri atau anak angkat yang sah, dengan syarat anak itu hendaklah masih di bawah tanggungan Pemegang Sijil.
- 4) **“Kecederaan Badan yang Dilindungi”** bermakna kecederaan fizikal yang:
 - a. berlaku semasa Jadual Sijil masih berkuatkuasa,
 - b. disebabkan semata-mata oleh luaran, keganasan dan bebas daripada apa-apa sebab yang lain, khususnya bebas daripada penyakit atau sebarang keadaan yang berlaku secara semula jadi atau kemerosotan beransur-ansur, dan
 - c. menghasilkan lebam yang boleh dilihat atau luka pada bahagian luar badan, kecuali di dalam kes lemas atau kecederaan fizikal dalaman yang didedahkan melalui bedah siasat.
- 5) **“Pesakit Berdaftar”** bermaksud Orang Yang Dilindungi yang dimasukkan ke Hospital untuk tempoh sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam atas cadangan Pakar Perubatan. Kemasukan harus dibuktikan dengan bayaran yang dikenakan untuk bilik harian/wad oleh pihak Hospital.
- 6) **“Pakar Perubatan”** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan semasa memberikan rawatan itu, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut diamalkan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang Yang Dilindungi itu sendiri.
- 7) **“Hospital”** bermakna sebuah pertubuhan yang semata-mata ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk menjaga dan merawat orang-orang yang sakit dan cedera, dan yang:
 - a) mempunyai kemudahan yang teratur untuk memberikan perkhidmatan diagnosis, rawatan dan pembedahan utama;
 - b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berkelayakan yang berdaftar;
 - c) berada di bawah penyeliaan seorang doktor, dan
 - d) bukan sebuah klinik, tempat penjagaan perlindungan untuk penagih alkohol atau dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan, atau rumah untuk orang-orang tua dan pertubuhan yang sama dengannya.
- 8) **“Kemasukan ke Hospital”** bermaksud dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk rawatan Perubatan yang diperlukan untuk Kecederaan Badan dilindungi selepas disarankan oleh Pengamal Perubatan. Pesakit tidak dianggap sebagai pesakit berdaftar jika pesakit tidak tinggal secara fizikal di dalam hospital sepanjang tempoh rawatan.
- 9) **“Unit Rawatan Rapi atau Unit Rawatan Kritikal”** bermaksud satu bahagian dalam Hospital yang ditetapkan sebagai Unit Rawatan Rapi atau Unit Rawatan Kritikal oleh Hospital tersebut, dan yang dibuka atas dasar dua puluh empat (24) jam hanya untuk merawat pesakit yang berada dalam keadaan kritikal dan dilengkapi untuk menyediakan khidmat kejururawatan dan perubatan khusus yang tidak disediakan di bahagian lain Hospital.
- 10) **“Pembedahan Utama akibat Kemalangan”** bermaksud prosedur (prosedur-prosedur) operasi besar untuk rawatan Kecederaan Badan Yang Dilindungi akibat Kemalangan yang dijalankan di Hospital oleh Pakar Perubatan, bertujuan untuk pembetulan kecacatan atau kerosakan, melegakan kesakitan atau memperpanjangkan jangka hayat hidup.
- 11) **“Perubatan yang Diperlukan”** bermaksud perkhidmatan perubatan yang:
 - a) Konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa untuk Kecederaan Badan yang dilindungi; dan
 - b) Selaras dengan standard amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan kesihatan profesional dan mempunyai manfaat perubatan yang terbukti; dan
 - c) Bukan untuk kemudahan Orang Yang Dilindungi yang dilindungi atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat disediakan secara wajar di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit), dan
 - d) Bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, tidak berbentuk pencegahan atau penyaringan
 - e) Di mana caj adalah wajar, saksama dan biasa untuk Kecederaan Badan yang dilindungi
- 12) **“Pengendali Takaful”** bermaksud Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

MANFAAT

Pengendali Takaful ini akan membayar Manfaat yang bersesuaian jika, dalam mana-mana Tempoh Perlindungan Takaful yang mana Orang Yang Dilindungi telah membuat dan Pengendali Takaful telah bersetuju untuk menerima caruman tersebut, dengan syarat Orang Yang Dilindungi yang dilindungi Dimasukkan ke Hospital atau menjalani rawatan akibat peristiwa yang dilindungi dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam.

MANFAAT ASAS

- 1) **Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan**

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan seperti dinyatakan dalam Jadual Sijil untuk setiap dua puluh empat (24) jam di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital semasa Tempoh Perlindungan Takaful untuk merawat Kecederaan Badan yang dilindungi, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil.

Tempoh maksimum yang akan dibayar oleh Pengendali Takaful untuk mana-mana satu Kecederaan Badan yang dilindungi adalah enam puluh (60) hari.

2) Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan seperti dinyatakan di dalam Jadual Sijil untuk setiap dua puluh empat (24) jam di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi atau Unit Rawatan Kritikal semasa Tempoh Perlindungan Takaful untuk merawat Kecederaan Badan yang dilindungi, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil. Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan di atas tidak akan dibayar sekiranya bayaran telah diberikan di bawah manfaat ini.

Tempoh maksimum yang akan dibayar oleh Pengendali Takaful untuk mana-mana satu Kecederaan Badan yang dilindungi adalah tiga puluh (30) hari.

Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan dan Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada had manfaat yang digabungkan iaitu enam puluh (60) hari untuk mana-mana Kecederaan Badan yang dilindungi.

3) Manfaat Elaun Harian Keluarga

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi Manfaat Elaun Harian Keluarga seperti dinyatakan dalam Jadual Sijil untuk setiap dua puluh empat (24) jam di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital semasa Tempoh Perlindungan Takaful untuk merawat Kecederaan Badan yang dilindungi, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil.

Tempoh maksimum yang akan dibayar oleh Pengendali Takaful untuk mana-mana satu Kecederaan Badan yang dilindungi adalah tiga puluh (30) hari.

4) Manfaat Elaun Rawatan Pos Kemasukan Hospital

Pengendali Takaful akan membayar bayaran tunai sekaligus, yang berkaitan dan seperti dinyatakan dalam Jadual Sijil, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil, jika:

- d) Manfaat dibayar di bawah Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan atau Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan; DAN
- e) Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital selama sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut; DAN
- f) Orang Yang Dilindungi menjalani rawatan susulan perubatan yang diperlukan sebagaimana ditetapkan oleh Pakar Perubatan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh keluar dari rawatan hospital.

Manfaat ini akan dibayar tidak lebih daripada satu (1) kali untuk mana-mana satu Kecederaan Badan yang dilindungi.

MANFAAT TAMBAHAN

1) Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Denggi Dan Malaria

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Denggi dan Malaria seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil untuk setiap dua puluh empat (24) jam di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital semasa Tempoh Perlindungan Takaful untuk rawatan Denggi dan Malaria yang dialami, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil.

Tempoh maksimum yang akan dibayar oleh Pengendali Takaful untuk mana-mana satu tahun polisi adalah tiga puluh (30) hari.

2) Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan Motosikal

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan Motosikal seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil untuk setiap dua puluh empat (24) jam di mana Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital semasa Tempoh Perlindungan Takaful untuk rawatan Kecederaan Badan Yang Dilindungi sewaktu Orang Yang Dilindungi menunggang atau memboncong motosikal, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil.

Kemalangan motosikal haruslah dilaporkan kepada pihak polis dengan segera untuk setiap satu kes dalam tempoh masa dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya kejadian dan tuntutan hendaklah disokong dengan laporan polis.

Tempoh maksimum Pengendali Takaful akan membayar manfaat ini adalah selaras dengan Manfaat Pendapatan Harian Hospital akibat Kemalangan dan Manfaat Pendapatan Harian Hospital Berganda akibat Kemalangan masing-masing.

3) Manfaat Pembedahan Utama akibat Kemalangan

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi bayaran tunai sekaligus jika berkaitan dan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil, jika Orang Yang Dilindungi perlu menjalani Pembedahan Utama akibat kemalangan semasa Tempoh Perlindungan Takaful.

Untuk kelayakan pembayaran Manfaat Pembedahan Utama akibat Kemalangan, Orang Yang Dilindungi harus dimasukkan ke hospital untuk tempoh minimum empat puluh lapan (48) jam untuk menjalani sebarang Pembedahan Utama

1. Pemindahan Organ Utama seperti Hati, Buah Pinggang, Paru-paru, Perut, penerima Hati atau Jantung
2. Pembedahan Penggantian Sendi Pinggul atau Lutut
3. Pemotongan tisu otak dengan kraniotomi
4. Pembedahan jantung terbuka
5. Pembedahan histerektomi

Tanpa mengambil kira bilangan pembedahan utama yang dijalankan untuk sesuatu kemalangan, hanya satu Manfaat Pembedahan Utama akibat Kemalangan akan dibayar bagi setiap kemalangan.

Selepas tuntutan Manfaat Pembedahan Utama akibat Kemalangan dibayar, manfaat ini akan ditamatkan untuk pembedahan tersebut dan tiada tuntutan akan dibayar terhadap pembedahan yang berulang atas sebab yang sama.

4) Manfaat Rawatan Kecemasan Pesakit Luar

Pengendali Takaful akan membayar kepada Orang Yang Dilindungi bayaran tunai sekaligus, selepas ditolak sebarang hutang kepada Sijil, jika Orang Yang Dilindungi menjalani rawatan kecemasan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari kejadian kemalangan dan rawatan ditetapkan oleh Pakar Perubatan.

Manfaat ini akan dibayar tidak melebihi daripada satu (1) bagi setiap Tahun Polisi

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

1) Tempoh Semakan Percuma

Dalam tempoh empat belas (14) hari dari penerimaan Jadual Sijil, Orang Yang Dilindungi boleh membatalkan Sijil dengan mengembalikan Sijil kepada Pengendali Takaful. Orang Yang Dilindungi berhak menerima pemulangan caruman penuh yang dibuat dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas Sijil. Sekiranya tuntutan telah dibuat, caruman tidak akan dipulangkan.

2) Tiada Caruman Dibuat

Tempoh tangguh selama enam puluh (60) hari dari tarikh akhir (termasuk) akan diberikan untuk dibuat bagi setiap Caruman, di mana tempoh Jadual Sijil akan terus berkuatkuasa. Jika mana-mana caruman tidak dibayar pada akhir Tempoh tersebut, Jadual Sijil akan ditamatkan secara automatik apabila tamat tempoh tangguh dan tidak akan ada sebarang perlindungan Takaful dan/atau manfaat diberikan.

3) Kriteria Pembaharuan

Perlindungan ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara Orang Yang Dilindungi dan Pengendali Takaful, tetapi akan tamat bagi mana-mana Orang Yang Dilindungi pada akhir Tempoh Perlindungan Takaful apabila Orang Yang Dilindungi telah mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.

4) Kriteria Pembayaran Kemasukan Hospital

Tempoh kemasukan hospital berturut-turut disebabkan oleh punca yang sama atau berkaitan haruslah dianggap sebagai Kecederaan Badan Yang Dilindungi, kecuali dipisahkan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan berturut-turut di mana Orang Yang Dilindungi tidak dimasukkan ke hospital.

5) Caruman Tidak Terjamin

Caruman adalah tidak dijamin dan boleh disemak oleh Pengendali Takaful semasa pembaharuan Jadual Sijil. Pengendali Takaful akan menasihati Orang Yang Dilindungi mengenai perubahan tersebut secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun Sijil.

PENGEQUALIAN

Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

- 1) Penglibatan atau penyertaan Orang Yang Dilindungi dalam:
 - a) Perkhidmatan atau operasi angkatan tentera darat, laut atau udara;
 - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
 - c) Memanjat permukaan batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, meneroka gua, meluncur udara, terjun bungee, payung terjun atau sebarang jenis perlumbaan melainkannya yang menggunakan kaki;
 - d) Memandu pesawat atau sebarang kegiatan udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen yang dikendalikan oleh pengendali pengangkutan udara komersial atau pengendali sewa khas yang diiktiraf dan dipandu oleh krew profesional di antara lapangan terbang - lapangan terbang yang dijaga rapi;
 - e) Perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram.
 - f) Sebarang perkara yang bertentangan dengan prinsip Syariah.

- 2) Dipengaruhi oleh pengambilan alkohol atau dadah melainkan dadah tersebut diambil atas arahan seorang pengamal perubatan yang berkecualan di sisi undang-undang dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
- 3) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cuba membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman. Apa-apa perbuatan yang dirancang awal oleh Orang yang Dilindungi atau mana-mana pihak bagi tujuan mendapatkan bayaran manfaat.
- 4) Kehamilan, kelahiran anak atau keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan kecuali semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan kepada Anda.
- 5) Kecacatan atau kelemahan mental yang sedia ada atau kecacatan fizikal dalam mana-mana keadaan seperti lumpuh atau memerlukan alat bantuan untuk berjalan atau alat bantuan untuk pendengaran yang ada sejak permulaan Jadual Sijil dan juga mana-mana kecederaan yang berlanjutan kepada kecacatan fizikal yang sedia ada.
- 6) Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
- 7) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (Human Immunodeficiency Syndrome atau HIV) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (Acquired Immune Deficiency Syndrome atau AIDS) atau Masalah Berkaitan AIDS (AIDS Related Complex atau ARC), tidak kira bagaimana ia disebabkan dan/atau sebarang mutasi, derivatif atau variasinya tidak kira bagaimana ia disebabkan dan rawatannya.
- 8) Penglibatan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
- 9) Radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dan sebarang bahan api nuklear atau dan sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
- 10) Peperangan, perang saudara - sama ada diisytiharkan atau tidak.
- 11) Sebarang perlakuan keganasan.
- 12) Menunggang motosikal tanpa lesen memandu yang sah.
- 13) Memandu tanpa lesen memandu yang sah.
- 14) Apa-apa bentuk penyakit termasuk semua penyakit sedia ada, jangkitan atau parasit. Penyakit sedia ada adalah bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh Orang Yang Dilindungi. Orang Yang Dilindungi dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:
 - a) Orang Yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan;
 - b) Nasihat perubatan, diagnosis, rawatan atau jagaan telah disyorkan;
 - c) Gejala yang jelas dan tepat atau dapat dilihat dengan nyata, atau
 - d) Kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan tersebut.
- 15) Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab bagi kemasukan ke hospital akibat kemalangan yang berpunca dari pekerjaan Orang Yang Dilindungi jika Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak secara langsung terlibat dalam sebarang pekerjaan/tugasan yang tersebut di bawah. Walaubagaimanapun, faedah di bawah Takaful ini akan membayar di mana kemasukan ke hospital akibat kemalangan berpunca dari urusan peribadi dan aktiviti sosial di luar daripada skop bidang tugas Orang Yang Dilindungi.

Pekerjaan dikecualikan : Pembawa Wang Professional, Penunggang Dispatch, Penyelam, Pemandu Lumba, Joki Kuda, Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew Kapal Terbang, Pekerja Buruh di Pelabuhan, Pengendali Letupan, Pekerja yang terlibat dengan Perobohan Bangunan, Pekerja Penerowongan dan Bawah Tanah, Wartawan Perang, Pengeraji, Pekerja Pelantar Minyak, Pekerja Pembalakan, Ahli Bomba, Pelaut dan Nelayan Laut, Jurumesin Kerja Kayu, Ahli Seni Mempertahankan Diri, Peninju, Ahli Gusti, Pekerja yang terlibat dengan Perkhidmatan Ambulans, Tukang Menara, Polis atau Pegawai Tentera atau Penguatkuasa Undang-Undang (kecuali yang terlibat dalam kerja-kerja pentadbiran).
- 16) Sekatan - Kami tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada Pemilik Sijil atau Anda atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
- 17) Sebarang Komplikasi akibat gigitan nyamuk, kecuali tuntutan Manfaat Pendapatan Hospital untuk Denggi dan Malaria.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Apabila anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan Takaful ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Takaful 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

SYARAT-SYARAT

- 1) Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada peraturan-peraturan Jadual Sijil, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau dipapar oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.
- 2) Sebagai syarat sebelum Pengendali Takaful menerima sebarang tanggungan Orang Yang Dilindungi hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Jadual Sijil dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.
- 3) Sekiranya cadangan atau perakuan Orang Yang Dilindungi tidak benar dalam sebarang hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahnyatakan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika Jadual Sijil atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salahnyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Jadual Sijil akan dianggap terbatal.
- 4) Orang Yang Dilindungi hendaklah memberi notis serta-merta secara bertulis kepada Pengendali Takaful mengenai sebarang perubahan dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau kegiatannya dan membuat sebarang caruman tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Takaful. Sebelum setiap pembaharuan Jadual Sijil, Orang Yang Dilindungi mesti memberitahu Pengendali Takaful secara bertulis mengenai sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah disedari atau dialami oleh Orang Yang Dilindungi.
- 5) Apabila berlaku sebarang peristiwa yang mungkin meningkatkan tuntutan di bawah Sijil ini:
 - a) Semua dokumen dan maklumat yang berkaitan hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh peristiwa.
 - b) Orang Yang Dilindungi hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar dengan secepat mungkin.
 - c) Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Pengendali Takaful mestilah disediakan alas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful.
 - d) Orang Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pengendali Takaful.
- 6) Jadual Sijil tidak boleh diserahkan hak dan Pengendali Takaful tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang amanah, gadaian, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Sijil ini. Sebarang resit atau pelepasan yang diberikan oleh Orang Yang Dilindungi atau wakil peribadi Orang Yang Dilindungi yang sah di sisi undang-undang kepada Pengendali Takaful bagi sebarang jumlah dilindungi atau pampasan di bawah Jadual Sijil akan dianggap sebagai pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan Pengendali Takaful.
- 7) Tindakan undang-undang atau kesaksamaan tidak boleh diambil untuk tuntutan di bawah Jadual Sijil sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis mengenai kemasukan ke hospital telah diberikan mengikut keperluan Sijil ini. Tindakan sedemikian tidak boleh diambil setelah tamat tempoh satu (1) tahun selepas bukti bertulis mengenai kemasukan ke hospital perlu diserahkan.
- 8) Segala percanggahan yang timbul daripada Jadual Sijil hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik sebarang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh Pengendali Takaful terhadap sebarang tuntutan di bawah Jadual Sijil mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.
- 9) Setiap notis dan lain-lain komunikasi kepada Pengendali Takaful yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.
- 10) Jadual Sijil boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Orang Yang Dilindungi. Jadual Sijil juga boleh ditamatkan atas pilihan Pengendali Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Orang Yang Dilindungi di alamatnya yang terakhir yang diketahui.
- 11) Kontrak ini dan Jadual Sijil hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Jadual Sijil dan Jadual Sijil hendaklah membawa makna sedemikian di mana ia tercatat.
- 12) Semua Caruman di bawah Sijil ini tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Pengendali Takaful berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Orang Yang Dilindungi sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini.

Cukai bermaksud sebarang cukai, levi, atau kewajipan langsung atau tidak langsung, yang termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa cukai.
- 13) Pengendali Takaful akan menguruskan caruman Takaful Orang Yang Dilindungi dengan menggunakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah Model Wakalah, dan seterusnya untuk meletakkan ke dalam dana Takaful melalui

satu akaun khas dikenali sebagai Dana Takaful Am (DTA) . Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama sijil dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan, terdapat lebihan bersih di dalam DTA, lebihan bersih akan dikongsi 50:50 di antara Orang Yang Dilindungi dan Pengendali Takaful dibawah kontrak Hibah.

Semua Orang Yang Dilindungi runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk satu (1) tahun tempoh Takaful dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua Orang Yang Dilindungi korporat yang tidak membuat tuntutan melebihi 30% dari jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan, Sijil dan Caruman mestilah untuk satu (1) tahun tempoh Takaful dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan oleh Aktuari yang dilantik oleh Pengendali Takaful dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

14) Untuk apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Orang Yang Dilindungi yang nilainya kurang daripada nilai Pengurusan Jumlah Caruman Kecil, Pengendali Takaful akan mendermakan sejumlah wang tersebut untuk tujuan amal yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful. Walau bagaimanapun, jika Orang Yang Dilindungi memutuskan sebaliknya, Orang Yang Dilindungi dikehendaki untuk mengemukakan permintaan rasmi kepada pihak Pengendali Takaful. Nilai Pengurusan Jumlah Caruman Kecil perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful.

15) Manfaat takaful adalah diserahkan kepada penerima yang dimaksudkan (benefisiari) melalui kontrak Hibah Bersyarat yang boleh dibatalkan dan hanya akan berkuatkuasa selepas kematian Orang Yang Dilindungi dan ia selesai selepas penerima Hibah mengakui menerima Hibah. Hibah Bersyarat hendaklah disiapkan oleh Orang Yang Dilindungi yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, di mana penama akan menerima manfaat sebagai penerima Hibah (benefisiari) dan takaful di bawah kontrak ini akan dikecualikan dari undang-undang warisan yang terpakai.

Orang Yang Dilindungi juga boleh melantik Wasi, yang merupakan pelaksana untuk menguruskan manfaat takaful. Oleh itu, Wasi bukan penerima manfaat takaful dan ia boleh dibatalkan dan hanya akan berkuatkuasa selepas kematian Orang Yang Dilindungi dan ia selesai selepas Wasi mengakui menerimanya. Pelantikan Wasi hendaklah disiapkan oleh Orang Yang Dilindungi yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, di mana Wasi hendaklah mengagihkan manfaat takaful mengikut borang penamaan atau sebarang undang-undang yang berkaitan.

Pembayaran manfaat kematian akan dibuat mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

16) Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara kandungan dokumen ini dan kandungan dokumen serupa yang diterbitkan atau dicetak dalam bahasa lain, kandungan dokumen yang diterbitkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami**. **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, mengehaskan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut. Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PERKONGSIAN LEBIHAN

Kami akan menguruskan caruman takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui Dana Takaful Am (DTA) . Jika pada akhir **Tempoh Takaful** yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** yang dilampirkan kepada Sijil, terdapat lebihan bersih dalam DTA, lebihan bersih akan dikongsi secara seimbang pada nisbah 50:50 di antara **Kami** / Pengendali Takaful dan **Pemilik Sijil** yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima sebarang manfaat di bawah kelas risiko sama seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** tersebut selagi Sijil berkuat kuasa.

Semua **Pemilik Sijil** runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk pengagihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua **Pemilik Sijil** korporat yang tidak membuat sebarang tuntutan melebihi tiga puluh (30%) peratus daripada caruman kasar dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan telah tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari **Kami** Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN JUMLAH KECIL

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**. **Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

PENTING

Orang Yang Dilindungi hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau silap tafsiran di dalamnya, atau perlindungan yang diberikan tidak seperti yang diharapkan oleh Orang Yang Dilindungi, anda perlulah memaklumkan dengan segera kepada pihak Pengendali Takaful dan Sijil akan dikembalikan dengan serta merta.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL

Sila periksa Jadual Sijil untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan **Anda**.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Sijil, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan Sijil **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana Sijil dikeluarkan.

Sebagai Pengendali Takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan bahawa **Anda** juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

Prosedur Membuat Aduan Kepada OFS

Jika **Anda** tidak perpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Anda** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Sijil **Anda**.

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Pengendali Takaful, **Anda** dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 (empat belas) hari.

Jika **Anda** tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh menghubungi pihak Pengendali Takaful di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Emel: callcentre@zurich.com.my

Anda boleh menghubungi OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web: www.ofs.org.my

Prosedur mengemukakan aduan kepada Pusat Penghubungan (BNMLINK)

Sebagai alternatif, **Pemilik Sijil** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BNMLINK untuk memberikan butiran aduan dan maklumat Sijil ini kepada:

Pusat Perhubungan (BNMLINK)

BNMLINK (Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) E-mel: bnmlink@bnm.com.my Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI KONTRAK SIJIL INI JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA

Penting

Anda hendaklah membaca Kontrak Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Anda, Kami perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my